

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WONG KAH WHO [IPOH TIMUR]

TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada mempunyai rancangan untuk menambah peruntukan Program Subsidi Upah khas untuk sektor-sektor yang tidak dapat pulih akibat daripada PKP yang dilaksanakan, seperti sektor pelancongan, hotel dan syarikat-syarikat pengurusan event (*event management company*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Keseluruhan Program Subsidi Upah (PSU) di bawah PRIHATIN dan PENJANA telah diperuntukkan sebanyak RM15.3 bilion dan setakat 14 Ogos 2020, program ini telah berjaya membantu sebanyak lebih daripada 320 ribu majikan untuk mengekalkan seramai 2.6 juta pekerja dalam pelbagai industri termasuk pelancongan, perhotelan dan pengurusan acara.

Untuk makluman, PSU telah ditambahbaik di bawah PENJANA yang diumumkan pada 5 Jun untuk meluaskan lagi kadar penyertaan (*take-up rate*) majikan dan membantu lebih ramai pekerja. Antaranya adalah untuk membenarkan majikan melaksanakan pengurangan waktu bekerja mingguan dan pengurangan gaji dengan persetujuan pekerja, serta

NO SOALAN : 37

membenarkan pekerja menerima subsidi upah secara langsung bagi mereka yang mengambil cuti tanpa gaji dengan syarat pekerja menerima subsidi upah secara langsung bagi sektor pelancongan dan sektor tersenarai dalam aktiviti terlarang sepanjang tempoh PKP.

Pada masa ini, Kerajaan juga telah pun memperkenalkan pelbagai inisiatif selain daripada PSU untuk membantu golongan pekerja dan majikan yang sedang menghadapi kesukaran akibat penularan wabak COVID-19. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti moratorium bayaran balik pinjaman, moratorium lanjutan dan bantuan bank bersasar, diskaun bil elektrik, program pengekalan pekerjaan, pelbagai jenis dana pembiayaan bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana, dan insentif pengambilan pekerja dan latihan-latihan kemahiran.

Kerajaan sentiasa memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif dan terbuka untuk mempertimbangkan penambahbaikan PSU tertakluk kepada penilaian keberkesanan secara menyeluruh program-program bantuan kepada pekerja dan majikan serta kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.